

KUPU SB - Universiti Nizwa tingkatkan kerjasama dua hala

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Ogos. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menerima kunjungan daripada Canselor Universiti Nizwa, Oman, Profesor Ahmed bin Khalfan Al-Rawahi dalam usaha untuk meningkatkan kerjasama dua hala dalam bidang yang menjadi kepentingan bersama kedua buah universiti tersebut.

Ketibaan Profesor Ahmed bin Khalfan Al-Rawahi dihalaukan oleh Pemangku Timbalan Ra'ees, KUPU SB, Dr. Haji Abang

Hadzmin bin Haji Abang Taha yang juga memberikan taklimat ringkas mengenai latar belakang, program-program yang ditawarkan dan hala tuju KUPU SB yang diadakan di Bilik Hikmah KUPU SB.


Kunjungan tersebut merupakan platform ke arah pelaksanaan jaringan kerjasama strategik, yang boleh memperkasakan bidang strategik ilmiah di antara kedua-dua universiti dan seterusnya mengenal pasti peluang kerjasama yang boleh diterokai KUPU SB bersama Universiti

Nizwa. Selain itu, ia sebagai usaha memperkenalkan KUPU SB ke arena antarabangsa melalui penawaran program-program dalam bidang pengetahuan Islam dan pendidikan dan pelaksanaan kokurikulum peringkat IPT. Turut hadir pegawai-pegawai utama, dekan dan pengarah KUPU SB.

CANSELOR Universiti Nizwa, Oman, Profesor Ahmed bin Khalfan Al-Rawahi bertukar cenderamata dengan Pemangku Timbalan Ra'ees, KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha (kiri).



Kerajaan Brunei - Thailand meterai 'Letter of Transmittal'



PERTUKARAN Dokumen Letter of Transmittal yang ditandatangani pada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Kali Ke-16 di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Thailand di bidang Penyiaran dan Penerangan.

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri
Foto : HERNIE SULIANA HAJI OTHMAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Ogos. - Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Thailand hari ini menandatangani 'Letter of Transmittal' pada Majlis Penutupan Rasmi Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC) Kali Ke-16 yang berlangsung selama dua hari di Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

Mesyuarat tersebut membincangkan pelbagai agenda yang berhubung kait dengan bidang penyiaran dan penerangan di bawah Memorandum Persefahaman antara kerajaan kedua negara.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Pengarah Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu, selaku Ketua Delegasi Negara Brunei Darussalam.

Sementara Kerajaan Thailand ditandatangani oleh Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perhubungan Awam (Public Relations Department - PRD), Dr. Charoon Chaisorn selaku Ketua Delegasi Thailand.

Awang Haji Muhammad Suffian dalam ucapannya merasa gembira kerana Mesyuarat JTC Ke-16 dalam bidang Penyiaran dan

Penerangan di antara kedua-dua negara berakhir dengan jayanya.

Kumpulan kerja di kedua-dua bidang katanya, telah membincangkan dan bersetuju untuk melaksanakan rancangan dan program di masa akan datang, di mana kedua-dua pihak mengambil maklum untuk memberikan *input* yang boleh diguna pakai dan membawa kerjasama ini di masa akan datang.

Beliau juga melahirkan ucapan penghargaan kepada para delegasi dan tenaga kerja yang terlibat dalam mesyuarat ini, atas dedikasi dan profesionalisme mereka yang tidak terhingga, dalam memimpin dan menguruskan mesyuarat ini dengan jayanya.

Manakala, Dr. Charoon Chaisorn turut melahirkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan mesyuarat ini dengan sumbangan yang tidak terhitung.

Kejayaan mesyuarat ini katanya, memberi bayangan sebenar tentang status hubungan di antara kedua-dua organisasi dan bersedia untuk bekerja dengan lebih rapat dengan Negara Brunei Darussalam di masa akan datang, di samping mengharapkan sumbangan kepada kerjasama yang meliputi bidang penyiaran dan penerangan dalam apa jua jenis platform.

Beliau menekankan hasil dari-



WAKIL Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengarah Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu memberikan ucapan penutup pada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Kali Ke-16 di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Thailand di bidang Penyiaran dan Penerangan.

pada projek-projek kerjasama ini akan mempromosi hubungan di antara rakyat dan seterusnya meningkatkan hubungan persahabatan antara dua negara. Mesyuarat dua hari turut diakhiri dengan pertukaran cenderamata di antara delegasi Negara Brunei Darussalam dan Thailand.

UNISSA kendalikan Bengkel Pengurusan Jenazah

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

KULAPIS, Khamis, 30 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS) dan Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PKPSH) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis telah mengadakan Bengkel Aplikasi Mazhab Syafi'i, iaitu Pengurusan Jenazah Kali Ke-2 pada 29 Ogos 2018.

Kira-kira 60 peserta menghadiri bengkel tersebut terdiri daripada orang awam, muallaf, wakil daripada jabatan-jabatan kerajaan, Muslimah dan para Ahli Jawatankuasa Takmir masjid berkenaan.

Sepanjang bengkel, para peserta diberi penerangan mengenai sembahyang jenazah, selain didedahkan dengan tatacara mengucubikan jenazah yang disampaikan oleh Imam masjid tersebut, Awang Haji Mohammad Burhanuddin bin Haji Damit dan dibantu oleh



ANTARA perisian Bengkel Aplikasi Mazhab Syafi'i, iaitu Pengurusan Jenazah Kali Ke-2.

penggapi dari Unit Tanah-Tanah Perkuburan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Norhidah binti Haji Alias dan Dayangku Noraidah binti Pengiran Salleh.

Dalam hal ini, UNISSA akan sentiasa berusaha lebih aktif dalam menyebarkan ilmu

pengetahuan, terutamanya dalam perkara yang bersangkutan paut dengan agama Islam.

Ita juga diharap dapat memberi ruang kepada masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam untuk belajar dan menambah ilmu pengetahuan asas mengenai Mazhab Syafi'i.